

TABUNG HAJI SUMBANG RM10.3 JUTA KEPADA SADAQA HOUSE BANK ISLAM, HAMPIR 1,000 USAHAWAN KECIL TERIMA MANFAAT

KUALA LUMPUR, 14 OKTOBER 2025 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah membantu meningkatkan keupayaan perniagaan dan taraf hidup hampir 1,000 usahawan mikro dalam kalangan asnaf dan B40 di seluruh negara menerusi sumbangan dana kepada Sadaqa House Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) yang diiktiraf sebagai pemacu kewangan sosial di peringkat global.

Sadaqa House, platform pendanaan kewangan sosial bersifat inklusif, menggerakkan modal filantropi seperti sedekah, wakaf dan zakat bagi menghasilkan impak positif serta perubahan nyata kepada golongan yang tidak mempunyai akses dan kurang mendapat perkhidmatan perbankan di Malaysia.

Sumbangan baharu RM3.8 juta pada tahun ini adalah tambahan kepada dana awal berjumlah RM6.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM10.3 juta sejak tahun 2020. Dana sebelum ini telah menyokong pelaksanaan Program Pembangunan Keusahawanan iTEKAD (iTEKAD) yang memberi kesan berganda dalam menyokong kelangsungan usahawan mikro apabila ia mencatat pencapaian pembiayaan sehingga lebih RM12 juta disebabkan oleh kesan putaran (*revolving effect*).

Selain itu, dana sumbangan ini juga dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk termasuk pembiayaan mikro tanpa keuntungan berkonsepkan *qardhul hasan*, geran perniagaan untuk usahawan mikro asnaf, pembiayaan kos latihan keusahawanan, bimbingan perniagaan serta kajian bagi meningkatkan keberkesanan program iTEKAD.

Kejayaan program ini terbukti apabila lebih 35 peratus peserta iTEKAD BangKIT, melibatkan 341 usahawan mikro, berjaya meningkatkan pendapatan isi rumah mereka dalam tempoh setahun selepas menyertai program ini sejak 2020.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Tuan Haji Mustakim Mohamad berkata, usaha ini adalah selari dengan aspirasi **TH** sebagai sebuah institusi Islam yang bukan sahaja mengurus tabungan dan

ibadat haji, tetapi juga memperkukuh kedudukan kewangan umat Islam melalui pelaburan dan agihan zakat.

"**TH** yakin bahawa pembangunan ummah perlu dilihat secara holistik, bukan hanya dalam aspek ibadat, tetapi juga pemeraksanaan kewangan umat Islam. Sumbangan ini adalah pelaburan sosial jangka panjang demi kesejahteraan masyarakat dan keberkatan bersama," katanya.

Antara penerima manfaat program ini adalah Issnanie Pink Enterprise di mana pemiliknya Puan Norzie Nani Md Bahari pantas menyesuaikan diri dengan mengguna platform penghantaran makanan untuk menjual jeruk buah buatan sendiri ketika pandemik COVID-19. Langkah ini telah melonjakkan jualannya sehingga mencecah RM1,100 sehari daripada sekitar RM350 sehari sebelumnya.

Puan Norzie Nani juga telah menggunakan dana iTEKAD untuk membeli motosikal penghantaran, pencetak, mesin pengisar dan bahan mentah. Kini, perniagaannya berkembang dengan dua pekerja tetap, kedai sendiri di Kajang serta simpanan tetap bulanan sebanyak RM260. Malah, Puan Norzie turut menyumbang kembali kepada Sadaqa House dan bercadang untuk membayar zakat perniagaan tahun hadapan.

Manakala MA Jarum Emas pula ditubuhkan oleh Puan Mah Ali, seorang ibu tiga anak dan pejuang kanser payudara. Perniagaan jahitan beliau bermula dengan hanya sebuah mesin jahit, namun selepas menyertai iTEKAD BangKIT, Puan Mah Ali telah melabur dalam mesin sulaman dan berjaya memperluas perniagaan termasuk menerima tempahan daripada pasukan beruniform.

Puan Mah yang kini mengendalikan pusat jahitan sehenti, turut membimbing empat usahawan baharu dalam komuniti. "Setiap cabaran menjadikan saya lebih kuat dan dengan sokongan iTEKAD, saya bukan sahaja dapat mengembangkan perniagaan, tetapi juga menyediakan kehidupan lebih baik untuk keluarga," katanya.

Ketua Pegawai Kewangan Sosial Kumpulan Bank Islam, Mohd Nazri Chik berkata, "Bank Islam amat menghargai keyakinan berterusan **TH** dalam menjayakan Program iTEKAD, khususnya iTEKAD BangKIT. Sebagai pemegang saham terbesar, sokongan **TH** menjadi penggerak penting dalam memperkukuh usaha Bank Islam memastikan Sadaqa House terus memberi manfaat kepada masyarakat."

“Komitmen **TH** membolehkan kami memartabatkan kewangan sosial Islam seperti sedekah dan zakat sebagai penyelesaian kewangan inklusif yang mampan,” tambah beliau.

TH yakin inisiatif ini akan terus menjadi pemangkin kepada pembangunan inklusif dan lestari, seiring dengan agenda Malaysia Madani dalam usaha memperkukuh daya tahan ekonomi ummah.

-TAMAT-

Issnanie Pink Enterprise



Ketika pandemik COVID-19 melanda, Norzie Nani Md Bahari, pemilik Issnanie Pink Enterprise, tidak patah semangat. Beliau pantas menyesuaikan diri dengan situasi baharu dengan memanfaatkan platform penghantaran makanan bagi memastikan pelanggan tetap dapat menikmati jeruk buah yang dihasilkan di rumah.

Langkah bijak ini membuahkan hasil apabila perniagaannya terus mendapat sambutan hangat dan permintaan yang semakin meningkat dengan anggaran 30-40 pek buah-buahan yang diproses menghasilkan jualan mencecah RM1,100 setiap hari.

Bagi memperkukuhkan lagi perniagaannya, Norzie mengambil peluang menyertai Program Pembiayaan Mikro iTEKAD (iTEKAD) BangKIT Bank Islam. Dana yang diterima digunakan sebaiknya termasuk membeli motosikal untuk tujuan penghantaran, pencetak, bahan pembungkus, mesin pengisar serta bahan mentah.

Hasil sokongan ini, pendapatan bulanan bukan sahaja bertambah, malah kini Issnanie Pink berjaya menggaji dua pekerja bagi membantu menguruskan operasi harian, termasuk kedai Nanie's AsamBoi yang terletak di Kajang, Selangor.

Dan yang lebih membanggakan, Norzie kini mampu membuat simpanan tetap sebanyak RM260 daripada hasil perniagaannya. Tidak terhenti di situ, beliau turut menyalurkan sebahagian daripada pendapatannya kepada Sadaqa House demi manfaat usahawan mikro lain, di samping merancang untuk menunaikan zakat perniagaan pada tahun hadapan.

Kisah Norzie membuktikan bahawa dengan sokongan yang tepat, usahawan kecil mampu terus berdaya saing dan berkembang sungguhpun mendepani cabaran yang besar, pada masa sama menyumbang kembali kepada masyarakat.

MA Jarum Emas



Empat belas tahun lalu, Mah Ali memulakan perniagaan jahitannya di pekan kecil Sungai Udang, Melaka.

Sebagai seorang ibu kepada tiga orang anak dan juga pejuang kanser payudara, kisah Mah adalah bukti ketabahan dan semangat juang yang tinggi.

Bermula dengan sebuah mesin jahit yang dibeli menggunakan wang simpanannya, beliau sedikit demi sedikit membangunkan perniagaan MA Jarum Emas sehingga menjadi nama yang dipercayai dalam kalangan komuniti setempat.

Perniagaan kecil itu berkembang dan menjadi sumber rezeki Mah, di samping membolehkannya menyumbang kembali kepada masyarakat. Sepanjang tempoh penglibatannya dalam perniagaan yang diusahakan, beliau telah melatih dan membimbing empat usahawan baharu, sekali gus menyebarkan ilmu serta membuka peluang kepada individu lain.

Impian Mah melonjak lebih jauh apabila beliau dimaklumkan mengenai Program Pembiayaan Mikro iTEKAD (iTEKAD) BangKIT daripada Kumpulan Usahawan Asnaf Melaka. Tidak pernah menerima sebarang bantuan kewangan untuk perniagaannya sebelum ini, Mah amat bersyukur apabila permohonan beliau diluluskan. Dana yang diterima menjadi batu loncatan untuk beliau mengembangkan kedai jahit kecilnya kepada sebuah pusat jahitan sehenti.

“Menguruskan perniagaan ini bukanlah mudah, terutama sekali ketika pandemik kerana bilangan pelanggan berkurangan dengan ketara. Namun, pengalaman saya melawan kanser dan menempuh pelbagai cabaran mengajar saya untuk tidak berputus asa, walaupun pada hari paling sukar. Prinsip yang sama saya terapkan dalam perniagaan ini. Setiap halangan menjadikan saya lebih kuat, tekad dan berpeluang untuk terus belajar,” ujar Mah.

Dengan sokongan iTEKAD, Mah melabur dalam sebuah mesin sulaman, yang membolehkannya menawarkan perkhidmatan sulaman nama, logo serta aksesori untuk pakaian seragam rasmi. Keupayaan baharu ini membuka jalan untuk MA Jarum Emas mengembangkan pasaran dan segmen pelanggan termasuk angkatan tentera.

"Nasihat dan bantuan pembiayaan daripada Bank Islam telah membuka pintu rezeki untuk saya. Kini, dengan kelengkapan yang lebih baik dan permintaan yang stabil, saya mencapai sesuatu yang dahulu hanya menjadi impian. Alhamdulillah, perniagaan kecil saya semakin berkembang dan saya mampu menyediakan kehidupan yang lebih baik buat keluarga," tambahnya.

Perjalanan Mah adalah cerminan bagaimana iTEKAD menjadi pemangkin kepada usaha keusahawanan, memperkasakan masyarakat serta memacu pertumbuhan ekonomi.